


# Konsep Sekolah Kluster

U.M 200-3-2007 M/S 5

## KERANGKA KONSEPTUAL SEKOLAH KLUSTER

- Idea mewujudkan Kelompok Sekolah Cemerlang (Sekolah Kluster) disuarakan oleh Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein dalam Mesyuarat Kerenah Birokrasi Bil. 2/2006 pada 3 April 2006.
- Pelancaran Pelan Induk Pembangunan Pendidikan pada 16 Januari 2006 menunjukkan kesungguhan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) merealisasikan idea kewujudan Sekolah Kluster.



**P**EWUJUDAN Sekolah Kluster ini sesuai dengan pendekatan kedua Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP): "Mengembangkan sepenuhnya potensi sekolah dalam kluster kecemerlangan sehingga membolehkan guru dan pelajar mengangkat nama dan sistem pendidikan negara di mata dunia." (PIPP, 2006, ms. 31).

## Definisi Sekolah Kluster

Sekolah Kluster ialah sekolah yang cemerlang dalam klusternya dari aspek pengurusan sekolah dan kemenjadian murid.

## Tujuan Pewujudan Sekolah Kluster

Sekolah ini diwujudkan bertujuan:

- Melonjakkan kecemerlangan sekolah dalam sistem pendidikan Malaysia;
- Membangun sekolah yang boleh dicontohi oleh sekolah dalam kelompok yang sama dan sekolah lain di luar kelompok; dan
- Menjadi showcase di peringkat antarabangsa.

Sekolah dikelompokkan dalam kluster seperti berikut:

1. Sekolah Rendah (SK, SJKT, SKJC, Sekolah Orang Asli).
2. Sekolah Menengah (SBP, SMT, SMKA, Sekolah Menengah Harian, Sekolah Premier, Sekolah 100 tahun, sekolah dalam persekitaran Putrajaya dan Cyberjaya, Sekolah Model Khas)
3. Sekolah Pendidikan Khas (SPK, SMPK, SMPKV)
4. Institut lepasan menengah (Kolej Matrikulasi, IPG)

5. Sekolah Antarabangsa dan Sekolah Swasta

## CIRI SEKOLAH KLUSTER

- Kemenjadian murid: akademik, kokurikulum dan sahsiah
- Pengurusan sekolah berwawasan dan berkesan.
- Pembangunan sumber terurus dan digunakan secara optimum.
- Pemimpin sekolah mengamalkan kepimpinan berkualiti.
- Pengurusan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.
- Iklim sekolah kondusif untuk pembangunan modal insan.
- Keberkesanan pelaksanaan program KPM.
- Sekolah berwatak yang digambarkan menerusi niche area (s).

## Akauntabiliti Pemimpin Sekolah

Pemimpin sekolah perlu bertanggungjawab terhadap kecemerlangan sekolah.

Akauntabiliti pemimpin digubal berpandukan kepada penentuan berikut:

1. pengurusan sumber manusia dan fizikal
2. sumber kewangan
3. pembangunan profesionalisme staf
4. program kurikulum dan kokurikulum berkesan
5. lepasan sekolah berkualiti dari segi pencapaian akademik, kokurikulum dan sahsiah.

## Kuasa Autonomi Sekolah Kluster

Sekolah Kluster diberi kuasa, ruang atau fleksibiliti oleh KPM untuk mengurus program dan kegiatan dalam bidang autonomi yang ditetapkan.

Pemberian autonomi ini ada dua jenis:

- umum (untuk semua sekolah)
- khusus (mengikut keperluan sekolah berlandaskan kepada jenis sekolah, pengajiannya dan niche areas).

## SEMPADAN AUTONOMI

Autonomi yang diberi tertakluk kepada pematuhan sekolah kepada piawai yang berikut:

- Akta Pendidikan 1996
- Sistem pendidikan Kebangsaan
- Dasar, undang-undang dan arahan

berkaitan penjawat awam serta Akta Tatacara Kewangan 1957, Pekeliling Perbendaharaan dan Surat Siaran/ Garis Panduan Kewangan

- SKPM

## IMPAK

- Pelajar sekolah cemerlang secara keseluruhan (holistic) dalam sistem: 5.8 peratus daripada 5.2 juta pelajar
- Lulusan sekolah Kluster diterima masuk universiti ternama luar negara
- Badan korporat dan agensi kerajaan berkeyakinan menaja pengajian lepasan Sekolah Kluster
- Menyediakan asas kukuh melahirkan peneraju utama agen perubahan.
- 300 buah sekolah diiktiraf antarabangsa (3.1 peratus daripada 9,663 sekolah)
- Model-piawai kepada sekolah dalam dan luar negara
- Pemimpin berkualiti (3.1 peratus daripada 9,663 sekolah) dan guru yang cemerlang (6.9 peratus daripada 350,000 guru).